



# PANDUAN BERHARI RAYA KETIKA PANDEMIK



alkhaadem

# PANDUAN HARI RAYA KETIKA PANDEMIK

Menyambut Hari Raya adalah satu tuntutan ke atas Umat Islam kerana ia termasuk dari membesarkan syiar Allah.

ذَٰلِكَ وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

“Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati Syiar-syiar ugama Allah maka (dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.” [Surah Al-Hajj : 32]

Namun kerana kekangan keadaan terhadap kita yang berpunca dari penyebaran wabak penyakit, telah menjadi buntu terhadap sebilangan besar masyarakat, bagaimana mereka masih boleh terus meraikan Hari Raya seperti yang dikehendaki oleh Allah ﷻ.

Oleh itu, Al Khaadem suka untuk mempersembahkan kepada sidang pembaca yang budiman, panduan ringkas menyambut Hari Raya mengikut Sunnah Nabi ﷺ di dalam kebiasaan baharu yang kita sedang hadapi, moga ia dapat menjadi setiap insan mengisi tuntutan berhari raya dengan ilmu yang sahih dan yakin yang jauh dari keraguan.

# AMALAN SEBELUM SOLAT HARI RAYA

## 1 Bertakbir

وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْتُكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“...dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.” [Surah Al-Baqarah 185]

### Waktu takbir:

Untuk Eid Fitr, takbir raya bermula dari masuk Maghrib malam Hari Raya sehingga sebelum solat Hari Raya dimulakan. [Sunan Ad-Darqutni no. 1712]

### Lafaz takbir:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Allah Maha Besar! Allah Maha Besar! Tiada tuhan selain Allah! Dan Allah Maha Besar! Allah Maha Besar! Segala puji milik Allah!

Lafaz takbir boleh dilafazkan beramai-ramai tanpa perlu sesiapa dijadikan sebagai tekong untuk bertakbir.

## 2 Membersihkan Diri & Memakai Pakaian Yang Cantik

- Mandi Sunnat Hari Raya. [Ijmak]
- Memakai pakaian yang cantik. [Sahih Al-Bukhari no. 948]
- Memakai wangian. [Musannaf Abdur Razzaq no. 5752]

## 3 Memakan Makanan Sebelum Solat Hari Raya [Sahih Al-Bukhari 953]

# SOLAT HARI RAYA & KHUTBAH

Kerana larangan berhimpun bagi mengelakkan penyebaran penyakit:

- Tempat solat Hari Raya boleh dilakukan di rumah masing-masing.
- Jumlah yang hadir memadai dengan sesiapa yang berada di dalam rumah masing-masing, dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya 3 orang lelaki.

Solat sunat Hari Raya, dua rakaat dan caranya seperti berikut:

- Solat Hari Raya tiada azan dan iqamah
- Bertakbir tujuh kali termasuk takbiratulihram dan doa iftitah pada rakaat yang pertama, dan bertakbir lima kali sesudah takbir bangkit untuk rakaat yang kedua. [Sunan Abi Daud no. 1149]
- Membaca sesudah Istiazah dan Al-Fatihah, dalam rakaat pertama dengan surah Al-Aa'la manakala dalam rakaat kedua dengan surah Al-Ghasyiyah. [Sahih Muslim no. 878] atau surah Qaf dalam rakaat pertama dan surah Al-Qamar dalam rakaat kedua. [Sahih Muslim no. 891]
- Jika surah-surah berkenaan tidak dihafal oleh yang menjadi imam, dia boleh membaca apa sahaja surah yang mudah baginya. [Sunan Abi Daud no. 857]

Selepas solat imam terus akan naik ke mimbar untuk berkhotbah.

# TATACARA BERKHUTBAH PADA HARI RAYA

- Bertakbir sebanyak 9 kali selepas memberi salam.
- Memuji Allah.
- Berselawat ke atas Rasulullah ﷺ .
- Mengingatkan hadirin agar bertaqwa.
- Memberikan pesanan berhari raya.
- Duduk istirehat untuk seketika.
- Bertakbir sebanyak 7 kali.
- Memuji Allah.
- Selawat ke atas Rasulullah.
- Sambung sedikit pesanan.
- Mendoakan keampunan untuk orang-orang beriman.
- Memberi pesanan terakhir.

# PERKARA YANG HARUS DIJAUHI KETIKA BERHARI RAYA

- Menziarahi kubur, kerana ia akan membaharui kesedihan, sedangkan Hari Raya adalah: Hari membesarkan dan mengagungkan Allah.
- Dandan dan berhias yang tidak mengikut Syarak seperti:
  - Mencukur janggut bagi lelaki.
  - Memakai pakaian yang mendedahkan atau menzahirkan aurat.
  - Hiasan melampau pada wajah.
- Berjabat tangan antara lelaki dan wanita yang tidak halal bersentuhan.
- Pembaziran harta dalam penyediaan makanan, hiasan rumah dan permainan seperti mercun dan bunga api.
- Menghabiskan waktu dengan hiburan yang haram atau syubhah seperti:
  - Menonton filem dan hiburan yang tidak halal.
  - Bermain permainan yang menyerupai judi, walau tiada pertaruhan.
  - Bermain permainan video konsol atau atas talian.
- Menghantar gambar-gambar dalam keadaan berhias (bagi wanita), atau tidak sopan ke media-media sosial.

# MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN MENDOAKAN SESAMA MUSLIM

Walaupun amalan kunjung-mengunjungi sesama kita tidak dapat dilakukan ketika PKP, melalui teknologi masa kini, kita masih boleh berhubung dengan saudara-mara dan sahabat-handai untuk mengucapkan tahniah dan mendoakan agar amalan kita sepanjang Ramadhan diterima oleh Allah.

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

Semoga Allah terima daripada kami dan daripada kalian  
[Syuab Al-Iman Al-Baihaqi no. 3446]







Ramai di kalangan kita mengeluh dengan pelaksanaan PKP pada Hari Raya tahun ini, setelah kita merasakan seolah-olah telah selamat dan boleh bebas berhari raya.

Namun tidakkah kita merenung kembali keadaan kita berhari raya berbanding saudara-saudara kita seaqidah yang berhari raya dalam keadaan tertindas dan dihujani dengan peluru dan bom!?

Kita sepatutnya menginsafi nikmat Allah yang bersiih ganti ke atas diri kita dan menahan diri kita daripada asyik melahirkan ketidakpuasan hati.

Firman Allah Taala:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras.” [Surah Ibrahim 7]

Semoga Allah membebaskan dan membantu saudara-saudara kita yang dianiaya dan ditindas di Palestin dan di seluruh dunia.

Semoga Allah berkati untuk saya dan kalian pada Al-Quran Al-Azim, dan semoga Dia manfaatkan saya dan kalian dengan apa di dalamnya dari peringatan yang bijaksana, dan semoga Dia terima dari saya dan kalian pembacaannya, sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Saya katakan apa yang kalian telah dengar, dan saya meminta ampun untuk diri saya dan diri kalian, dan untuk semua orang Islam lelaki dan orang Islam wanita, orang beriman lelaki dan orang beriman wanita, yang hidup di kalangan mereka dan yang telah mati. Minta ampunlah kepada-Nya! Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

[Duduk]

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Segala puji milik Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah, dan ke atas Ahli Keluarga Baginda dan Para Sahabat Baginda, kesemua mereka. Wa ba'du;

Setelah beribadah selama sebulan di dalam Ramadhan, marilah kita bersama-sama memohon kepada Allah agar Dia menerima segala amal kebaikan yang kita telah lakukan. Kerana apalah nilai segala kebajikan yang kita lakukan, jika ia tidak diterima oleh Allah?!

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad s.a.w); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.” [Al-Ahzab : 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَآلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Ya Allah! Selawatlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah selawat ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Amat Tepuji lagi Amat Mulia. Berkatilah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah berkati ke atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Amat Terpuji lagi Amat Mulia.

Ya Allah! Ampunkanlah untuk lelaki Islam dan wanita Islam, lelaki beriman dan wanita beriman, yang hidup di kalangan mereka dan yang telah mati, dengan rahmat-Mu, wahai Yang Paling Penyayang di antara yang menyayangi!

Ya Allah! Bantulah Islam dan Muslimin! Musnahkanlah golongan kafir, pelaku bidaah dan pembuat kesyirikan! Hancurkanlah musuh-musuh-Mu; musuh-musuh Agama! Bantulah sesiapa yang membantu Agama ini!

Wahai Tuhan kami! Datangkanlah kepada kami kebaikan di Dunia dan kebaikan di Akhirat dan peliharalah kami dari azab Neraka!

Wahai sekalian hamba Allah!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.” [An-Nahl : 90]

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى  
عُمُومِ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maka, ingatlah akan Allah Yang Maha Agung, Dia akan mengingati kalian. Bersyukurlah kepada-Nya di atas segala nikmat-nikmat-Nya, Dia akan tambahkan kalian. Mohonlah kepada-Nya daripada kelebihan-Nya, Dia akan berikan kalian. Benar-benar mengingati Allah itulah yang terbesar, dan Allah mengetahui apa yang kalian kerjakan.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



alkhaadem

